

08/10/2003

Melayu mesti teruskan perubahan minda

KUALA LUMPUR: Semua golongan orang Melayu perlu berganding bahu menjayakan perubahan minda bangsa yang diusahakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Pengerusi Sekretariat Melayu Antarabangsa, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata orang Melayu tidak mempunyai pilihan lain jika mahu melihat perjuangan Dr Mahathir memartabatkan bangsa diteruskan.

"Selepas dia bersara (hujung bulan ini) kita perlu bekerja secara bersepadu untuk menjayakan hajatnya. Kita semua baik budayawan, ahli bahasa, motivasi, kaunselor, guru, perlu menterjemahkan impian dia... termasuk media, kita kena ketengahkan mesej dia.

"Kalau kita sama-sama tak buat, habis dia maka habislah kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Wacana Minda Melayu bertemakan "Penerusan Kecemerlangan Minda Melayu" anjuran Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Beliau diminta mengulas keadaan perjuangan itu selepas persaraan Dr Mahathir memandangkan fikiran orang Melayu kini dalam keadaan "haru-biru" berikutan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isu remeh temeh yang sentiasa dibangkitkan Pas.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman, dan Pengarah Penerbitan DBP, Datuk Dr Anwar Ridhwan.

Muhammad yang juga Naib Presiden Umno berkata, orang Melayu memerlukan ketahanan diri bagi menghadapi cabaran kekacauan dunia baru, iaitu dunia masa kini yang menghadapi kecelaruan ideologi dan intelektual.

"Kalau orang Melayu diajak berfikiran bercelaru maka proses membina minda Melayu supaya lebih kukuh dan bertahan tidak akan berjaya," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Muhammad berkata kecemerlangan minda Melayu membolehkan negara dibebaskan daripada belunggu penjajah yang bertapak hampir 500 tahun.

Katanya, kecemerlangan dan kepintaran minda Melayu, khususnya pada peringkat pucuk kepimpinan negara, pula memberi kejayaan kepada Malaysia bukan saja dari segi pembangunan tetapi juga dalam menangani kemelut besar seperti krisis kewangan pada 1997.

"Minda pucuk kepimpinan negara yang cemerlang menyebabkan Malaysia dihormati, dikagumi dan dicontohi di peringkat serantau dan antarabangsa," katanya.

Malangnya, katanya, ada sebilangan rakyat yang tidak memiliki semangat kebangsaan cuba menafikan hasil dan hakikat kecemerlangan bangsa dan negara.